

## Darurat atau “Perang Kolonial” 1948 di Tanah Melayu: Satu Perbahasan Berdasarkan Beberapa Aliran Pemikiran dan Perspektif

*Emergency or “Colonial War” 1948 in Malaya: A Debate Based on  
Several Schools of Thought and Perspectives*

AZMI ARIFIN

School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Pulau Pinang, Malaysia

azmiarifin@usm.my

Published online: 31 October 2019

To cite this article: Azmi Arifin. 2019. Darurat atau “Perang Kolonial” 1948 di Tanah Melayu: Satu perbahasan berdasarkan beberapa aliran pemikiran dan perspektif. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 26(2): 53–80, <https://doi.org/10.21315/kajh2019.26.2.3>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/kajh2019.26.2.3>

**Abstrak.** Kajian ini meneliti pelbagai tafsiran ahli sejarah tentang faktor-faktor utama yang membawa kepada perisytiharan darurat oleh British di Tanah Melayu pada tahun 1948. Tujuan utama kajian ini adalah untuk menganalisis sebab-sebab terdapatnya ketidaksepakatan dalam kalangan ahli sejarah mengenai faktor-faktor yang membawa kepada darurat dan apakah kekurangan setiap pandangan yang dikemukakan. Dalam kajian ini, tulisan-tulisan utama yang menjelaskan pandangan ahli sejarah akan diteliti. Ahli sejarah yang membincangkan tentang Darurat 1948 secara umumnya terbahagi kepada beberapa aliran: Ortodoks, Revisionis, Neo-Ortodoks dan Pasca-Revisionis. Pandangan Ortodoks menerangkan bahawa darurat telah diisyitiharkan oleh British sebagai tindak balas terhadap keganasan komunis dan kewujudan rancangan pemberontakan bersenjata oleh Parti Komunis Malaya (PKM) bagi menjatuhkan pemerintahan British. Walaupun demikian, mutakhir ini telah timbul kritikan terhadap pendekatan Ortodoks yang dianggap terlalu bergantung kepada laporan rasmi pihak perisikan dan pentadbiran British. Dengan bukti terkini yang diperoleh melalui rekod yang dikeluarkan oleh Arkib Kebangsaan British bermula pada penghujung 1990-an, muncul pandangan alternatif yang mula mempertikaikan sama ada perisytiharan Darurat 1948 adalah kerana pemberontakan PKM atau lebih didorong oleh tujuan lain yang berkaitan dengan kepentingan mengekalkan penjajahan British di Tanah Melayu. Beberapa ahli sejarah Revisionis dan Pasca-Revisionis mendakwa bahawa Darurat 1948 adalah satu bentuk “perang kolonial” yang dicipta sebagai sebahagian daripada konspirasi British untuk membendung ancaman pergerakan nasionalis yang sengaja dituduh oleh British sebagai sebahagian daripada anasir komunis.

**Kata kunci dan frasa:** kolonialisme British, Parti Komunis Malaya, darurat, Perang Kolonial, Perang Dingin

**Abstract.** This study examines the various interpretations by historians about the major factors that led to the declaration of emergency by the British in Malaya in 1948. The main purpose of this study is to analyse why there is disagreement among historians about the factors that led to the emergency and what are the weaknesses of every view expressed. In this study, the main sources that explain the views of historians will be examined. Historians discussing the 1948 Emergency are generally divided into several schools of thought: Orthodox, Revisionist, Neo-Orthodox and Post-Revisionist. The Orthodox view explains that the emergency was declared by the British in reaction to communist terrorism and the existence of an armed rebellion plan by the Malayan Communist Party (MCP) to bring down British rule. However, recent criticisms have arisen on the Orthodox approach which is considered to be over-dependent on official reports by the British intelligence and administration. With the latest evidence available through records released by the British National Archives beginning in the late 1990s, an alternative view emerged that began to question whether the declaration of emergency in 1948 was due to MCP rebellion or more driven by other purposes related to the interest of maintaining British colonialism in Malaya. Some Revisionist and Post-Revisionist historians claim the 1948 Emergency is a form of “colonial war” that was created as part of the British conspiracy to curb the threat of nationalist movement deliberately accused by the British as infiltrated by communist elements.

**Keywords and phrases:** British colonialism, Malayan Communist Party, emergency, Colonial War, Cold War

## Pengenalan

Darurat yang diisytiharkan di Tanah Melayu bermula pada bulan Jun 1948 merupakan satu peristiwa sejarah yang amat penting dalam persejarahan Malaysia. Peristiwa tersebut mempengaruhi wujudnya perdebatan berpanjangan tentang sejarah hubungan kaum, perjuangan nasionalisme, gerakan politik dan kemerdekaan dalam persejarahan Malaysia yang mencetuskan pelbagai kontroversi sehingga ke hari ini dalam kalangan pelbagai pihak. Persoalan-persoalan utama yang berkait dengan persejarahan darurat, iaitu “Kenapa dan bagaimakah darurat diisytiharkan?”, “Siapakah pihak yang memulakan keadaan tersebut?”, “Siapakah yang menjadi sasaran sebenar darurat?” dan “Apakah yang telah dicapai melalui perisytiharan darurat?” telah mencetuskan pelbagai percanggahan pendapat dan perdebatan. Satu pihak menyalahkan sepenuhnya keganasan Parti Komunis Malaya (PKM) sebagai punca manakala pihak yang lain pula menyalahkan pihak British yang dikatakan sengaja merancang untuk mencipta “satu perang” bagi menghapuskan ancaman terhadap pengekalan dasar-dasar penjajahannya. Percanggahan pendapat terutama dalam kalangan ahli sejarah adalah sangat luas, didorong oleh perbezaan aliran yang mempengaruhi tafsiran mereka mahupun penemuan bukti-bukti terbaru yang mengalakkan munculnya tafsiran-tafsiran baharu sehingga menyebabkan isu darurat terus relevan diperdebatkan sehingga ke hari ini.

Perbincangan tentang kaitan antara PKM dengan perisytiharan darurat di Tanah Melayu pada tahun 1948 telah banyak dihasilkan. Kajian-kajian awal telah dikemukakan oleh beberapa sarjana Malaysia, antaranya Gwee (1966), Ramlan (1973), Khong (1975), Cheah (1977; 1979; 1983; 1987; 1992), Khoo dan Adnan (1984), Mohd Reduan (1993), Chin (1994) dan Ramlah (1998). Penulis tempatan yang paling prolifik menyentuh tentang persoalan tersebut ialah Mahmud Embong, yang menghasilkan beberapa tulisan sejak 1980-an (Mahmud Embong 1985; 1989; 1992a; 1992b; 2003; 2004). Suatu hal yang menarik di sini adalah jika dibandingkan dengan kajian-kajian lain yang menekankan pengaruh PKM dalam kalangan orang Cina, Mahmud sebaliknya lebih memfokuskan tentang pengaruh PKM dalam kalangan orang Melayu.

Namun demikian, tafsiran tentang sejarah darurat di Tanah Melayu lebih banyak dipengaruhi oleh kajian-kajian awal yang dihasilkan penulis luar. Antara kajian tersebut ialah Purcell (1955), Hanrahan (1954), Miller (1954; 1972), Short (1964; 1975), Pye (1956), Brimmel (1956; 1959), Renick (1965), O’Ballance (1966), Clutterbuck (1967; 1973), Thompson (1966) dan Stenson dan de Cruz (1971). Kajian mutakhir, selain oleh beberapa penulis tempatan seperti Mahmud (2003; 2004), Ramlah (2004), Cheah (2009) dan Ho (2010), umumnya turut dimonopoli oleh pengkaji Barat seperti Stenton (1980), Coates (1992), Furedi (1994), Carruthers (1995), Harper (1999), Short (2000), Stockwell (1987; 1993; 2006), Deery (2003; 2007), Stubbs (1989; 2008), Hack (1995; 1999; 2001; 2009), Comber (2009) dan Stahl (2009). Tulisan mereka memaparkan pelbagai sudut pandangan yang dipegang oleh ahli sejarah. Dalam kajian ini, perdebatan tentang isu komunisme dan Darurat 1948 akan dipecahkan kepada sekurang-kurangnya empat aliran utama yang mempengaruhi perspektif ahli sejarah, iaitu Ortodoks, Revisionis, Neo-Ortodoks dan Pasca-Revisionis.

Empat aliran utama tersebut, yang menjelaskan peristiwa darurat melalui perspektif berlainan, menggambarkan suatu percanggahan pendapat yang begitu besar dalam persejarahan Malaysia. Keempat-empat aliran tersebut menganjurkan penjelasan berbeza tentang isu-isu persejarahan darurat yang bersabit dengan beberapa persoalan utama yang membentuk aliran-aliran tersebut, iaitu “Kenapa darurat diisyiharkan?”, “Apakah dorongan yang ‘memaksa’ British mengisyiharkan darurat?” dan “Siapakah pihak yang sebenarnya menjadi sasaran utama pihak British semasa darurat?”. Interpretasi dan jawapan berbeza ahli sejarah terhadap persoalan tersebut dipengaruhi oleh tafsiran berbeza mereka terhadap motif, tindakan-tindakan individu mahupun kumpulan dan faktor keadaan politik dalaman mahupun luaran yang mengerakkan keadaan-keadaan yang “memaksa” perisytiharan darurat tersebut dilaksanakan. Misalnya, bagi kelompok ahli sejarah yang menyokong pendekatan Ortodoks, mereka umumnya menjelaskan perisytiharan darurat oleh

British berpunca daripada kempen keganasan yang digerakkan oleh PKM, yang mendapat arahan daripada pihak komunis antarabangsa untuk memberontak dan mengangkat senjata terhadap British. Pengkaji aliran Revisionis pula sebaliknya menjelaskan perisyiharan darurat berpunca daripada tindakan British itu sendiri, sama ada telah dirancang atau tidak, yang cuba mengambil jalan keras untuk menghapuskan ancaman terhadap kelangsungan pemerintahannya. Tafsiran yang agak berbeza pula telah dikemukakan oleh pengkaji aliran Pasca-Revisionis yang baru muncul dan mempelopori perspektif baharu yang belum popular. Mereka menjelaskan darurat merupakan satu tipu muslihat British yang diambil bagi memenuhi objektif “serampang dua mata”, iaitu untuk menghapuskan ancaman gerakan nasionalis kiri-agama Melayu yang menuntut kemerdekaan dan seterusnya memanjangkan hayat penjajahannya di Tanah Melayu. Dakwaan wujudnya pemberontakan PKM dan perisyiharan Darurat 1948 pula diperlihatkan oleh aliran ini sebagai suatu bentuk “justifikasi” yang sengaja direka oleh pihak British bagi menghalimunangkan tindakan mereka terhadap kelompok nasionalis berkenaan.

Dengan menggunakan tulisan-tulisan utama yang memaparkan tafsiran ahli sejarah, kajian historiografi ini cuba meneliti pandangan yang dibawa oleh setiap aliran dan menjelaskan kenapa wujudnya percanggahan dalam setiap tafsiran yang dikemukakan. Secara keseluruhan, kajian ini ingin menyarankan bahawa pendekatan yang dikemukakan oleh aliran Pasca-Revisionis adalah yang paling kukuh dan dapat menampung kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam perspektif aliran-aliran lain, terutama Ortodoks dan Neo-Ortodoks. Pendekatan aliran Pasca-Revisionis menjelaskan wujudnya kekeliruan kerana ahli sejarah sehingga kini telah memberikan tumpuan yang keterlaluan terhadap peranan PKM dan kuasa-kuasa besar dalam era Perang Dingin seperti British, Amerika Syarikat, Soviet Union dan China. Kecenderungan ini menghindari ahli sejarah daripada melihat kepada elemen-elemen lain yang turut membelaangi keputusan British untuk mengisytiharkan Darurat 1948. Pandangan alternatif baharu yang dikemukakan oleh aliran Pasca-Revisionis ini menjelaskan bahawa PKM bukanlah sasaran sebenar perisyiharan Darurat 1948. Sebaliknya, British didakwa telah menggunakan PKM tidak lebih sebagai “kambing hitam” bagi membolehkan British mengambil tindakan keras terhadap seluruh gerakan antikolonial, khususnya yang dipelopori oleh nasionalis kiri-agama Melayu, yang memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu dan dianggap oleh British lebih berbahaya berbanding ancaman komunis.

### **Darurat dan Perang Dingin di Tanah Melayu: Versi Sejarah Ortodoks**

Penjelasan utama kebanyakan ahli sejarah tentang sebab-sebab perisyiharan Darurat 1948 di Tanah Melayu adalah kerana wujudnya ancaman pemberontakan

bersenjata PKM terhadap British. PKM dikatakan merancang sejak awal untuk mengangkat senjata menentang British yang akan dilaksanakan pada bulan September 1948 (Chin 2009, 17). Sebelum itu, PKM hanya menggunakan kaedah sederhana daripada menaja penubuhan parti politik dan menyusup masuk ke dalam gerakan kiri dan kesatuan sekerja hingga kepada aktiviti-aktiviti mensabotaj, mengajurkan mogok umum dan mewujudkan kekacauan ekonomi bagi melemahkan pentadbiran British. Namun begitu, usaha tersebut dikatakan tidak berjaya (O’Ballance 1966, 14–15, 19, 76). Akibatnya, PKM membuat keputusan untuk bertindak lebih militan, iaitu melakukan keganasan dan kemuncak daripada tindakan tersebut ialah mengangkat senjata menentang British dengan meniru pendekatan yang dilaksanakan oleh Parti Komunis China (PKC) (Pye 1956, 86–87).

Organisasi PKM yang tersusun dan berpengaruh dikatakan membolehkan organisasi tersebut meresap masuk dan menguasai seluruh gerakan nasionalis termasuklah gerakan kiri-agama Melayu serta kesatuan-kesatuan sekerja yang ditubuhkan secara meluas sekitar tahun 1940-an bagi “menimbulkan ancaman terhadap pihak British dan merampas kuasa” (Department of Information 1951, 1; Malayan Security Service [MSS] 1948). PKM juga telah menggunakan pengaruhnya terhadap kesatuan sekerja, misalnya dengan menaja penubuhan kesatuan sekerja umum seperti Pan-Malayan Federation of Trade Union (PMFTU) yang berperanan untuk menyusun aktiviti-aktiviti mogok bagi mensabotaj kepentingan ekonomi British di Tanah Melayu. Pada tahun 1947, lebih daripada 300 mogok dan kekacauan industri telah dilancarkan di seluruh Tanah Melayu, kebanyakannya di estet-estet getah. Menurut Miller (1954, 74), “While the Communist admittedly did not play a part in many of the troubles, they were behind most of the serious ones, which invariably were accompanied by violent demonstrations”. Kemuncak keganasan tercetus pada 16 Jun 1948 apabila tiga majikan Eropah di beberapa estet di Sungai Siput, Perak dibunuh oleh beberapa individu yang dipercayai sebagai “anaris” PKM (Miller 1954, 82; Pye 1956, 89; O’Ballance 1966, 82).<sup>1</sup> Pembunuhan tiga orang majikan Eropah itu dianggap faktor serta-merta yang mendorong pihak British mengisyiharkan darurat pada 17 dan 18 Jun 1948, mengharamkan PKM dan beberapa organisasi militan di bawah pengaruhnya serta menangkap secara beramai-ramai aktivis antikolonial. Menurut sumber rasmi British, darurat diisyiharkan bagi menghadapi ancaman PKM yang bertindak secara kekerasan dan bahawa komunis “were making a desperate effort to impose the rule of the knife and the gun in plantations, mines and factories” (Department of Information 1951, 29).

Pengkaji Ortodoks mendakwa keganasan yang dicetuskan di Tanah Melayu antara tahun 1947–1948 merupakan langkah-langkah awal PKM dalam usahanya

melancarkan pemberontakan. PKM dikatakan bersedia mengangkat senjata dan mencapai matlamat mendirikan sebuah negara komunis setelah mendapat arahan daripada Soviet Union yang sedang menghadapi Perang Dingin dengan blok kuasa Barat dipimpin Amerika Syarikat. Arahan pemberontakan daripada Moscow dikatakan diterima secara langsung oleh anggota PKM melalui dua persidangan yang diadakan di Calcutta, India, iaitu Persidangan Pemuda Asia dan Persidangan Parti Komunis India pada Februari–Mac 1948 (Miller 1954, 15, 76; Purcell 1955, 60; Brimmell 1959, 255–263; O’Ballance 1966, 76; McLane 1966, 357, 385–386; Hyde 1968, 23–24; Short 1975, 44). Dari sudut ini, Clutterbuck (1973, 56) menjelaskan “Calcutta conference no doubt played some part in prompting the MCP to remobilize the guerrilla army and to go over to the phase of the ‘armed struggle’ in Malaya”.

Pengaruh Moscow terhadap gerakan anti-British di Asia Tenggara dikatakan amat dibimbangi oleh pentadbiran British di London. Perdana Menteri Britain, C.J. Attlee misalnya menganggap kemaraan Soviet Union sebagai ancaman utama terhadap keselamatan di Asia Tenggara ketika pengaruhnya cuba dibendung di Eropah (Deery 2003, 31).<sup>2</sup> Pejabat Kolonial pada Oktober dan Jawatankuasa Kabinet mengenai Malaya pada November 1948 juga telah mengesahkan ancaman tersebut dengan mendakwa wujudnya “...the substantial grounds for regarding the Malayan outbreak as stimulated by Moscow” dan “the existence of ‘Communist plot’ to overthrow the Malayan government by armed force...” (Deery 2003, 34). Ancaman Moscow turut ditekankan oleh Ketua Perisikan Keselamatan Timur Jauh British yang telah memberi amaran bahawa “the Soviet Union in all likelihood controlled the growing local Communist parties in Southeast Asia” (Deery 2003, 34). Bahkan, wujud dakwaan bahawa individu tertentu telah dihantar oleh pihak Communist Information Bureau (Cominform) sebagai agen bagi menyebarkan dakyah dan menggalakkan pihak komunis di seluruh Asia Tenggara bangkit memberontak terhadap pemerintahan kolonial. Individu yang dimaksudkan ialah Lawrence Sharkey, Setiausaha Agung Parti Komunis Australia, yang dikatakan bergerak aktif selepas menghadiri persidangan komunis di Calcutta. Beliau didakwa telah singgah di Singapura selama dua minggu selepas persidangan berkenaan dan memberi ucapan dalam Sidang Pleno Keempat Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) PKM lantas menggunakan kesempatan tersebut untuk “played a considerable part in persuading the Malayan Communists to adopt a policy of violence” (Pye 1956, 84).

Dakwaan pihak perisikan British tentang wujudnya gejala Perang Dingin dan rancangan pemberontakan PKM yang membawa kepada perisytiharan Darurat 1948 amat mempengaruhi pentafsiran ahli sejarah.<sup>3</sup> Boleh dikatakan ramai pengkaji percaya darurat merupakan tindak balas British dalam menghadapi “konspirasi

komunis” dan ancaman Perang Dingin yang cuba diterjemahkan melalui rancangan pemberontakan PKM yang mendapat arahan langsung Moscow.<sup>4</sup> Miller (1954, 15) misalnya menjelaskan aktiviti keganasan PKM adalah:

A part of a preconceived world-wide Russian plans to establish Soviet republics in the Far East. In Malaya, they were trying for the first time to conquer British territory, although until now Russia and Communist China have given only lip support to the “struggle” by the Malayan Communists.

Seorang sarjana tempatan, Yeo Kim Wah berpendapat pandangan umum tentang wujudnya rancangan pemberontakan PKM yang mendapat arahan Soviet Union melalui persidangan di Calcutta merupakan “the orthodox view and by far the most widely accepted version of the communist uprising in Malaya” (Yeo dalam Deery 2003, 38). Pandangan Yeo dari beberapa segi sememangnya boleh dipertahankan kerana tafsiran tersebut telah dipegang oleh ramai pengkaji, khususnya para pengkaji tempatan yang begitu bergantung kepada rekod-rekod rasmi pihak pentadbir dan perisikan British.

### **Lahirnya Pandangan Baharu: Tafsiran Revisionis**

Pandangan Ortodoks mula dicabar sejak tahun 1950-an. Sebahagian ahli sejarah telah menolak dakwaan wujudnya gejala Perang Dingin di Tanah Melayu. Mereka juga menolak penjelasan bahawa perisytiharan darurat berpunca daripada “komplot komunis antarabangsa” yang memberi arahan kepada PKM melalui persidangan di Calcutta untuk bangkit memberontak terhadap kerajaan British. Bagi sesetengah pengkaji, pandangan tersebut tidak berasas dan tidak dapat dibuktikan dengan kukuh. Mereka sebaliknya menghujahkan bahawa faktor-faktor tempatan memainkan peranan lebih utama dalam menggalakkan gejala keganasan. Keganasan yang dimulakan juga dikatakan tidak dirancang dan tidak tersusun. Walaupun wujud keganasan di Tanah Melayu sejak Mac 1948 yang didakwa dilakukan oleh “anasir-anasir” komunis, namun mereka menolaknya sebagai sebahagian daripada rancangan pemberontakan PKM. Malah, PKM sendiri dikatakan tidak bersedia menghadapi British apabila darurat diisytharkan.

Ruth McVey merupakan antara sarjana terawal yang meneliti tentang isu “konspirasi komunis” berkenaan melalui tulisannya *The Calcutta Conference and the South East Asian Uprising* (1958). Dalam tulisannya tersebut, McVey telah menolak dakwaan wujudnya kesan daripada dasar “dua kem” yang diperkenalkan oleh Moscow dan pembentukan Cominform pada penghujung tahun 1947 (McVey 1958, 24). Beliau juga telah menolak tanggapan wujudnya arahan pihak Soviet

kepada PKM supaya bangkit memberontak melalui persidangan di Calcutta pada Februari 1948. Menurut McVey, persidangan tersebut bukan merupakan tempat dan masa yang sesuai untuk membawa mesej revolusioner komunis. Hal ini kerana persidangan tersebut diadakan secara terbuka di India yang berada di bawah kawalan British. Wakil-wakil yang terlibat dalam persidangan tersebut pula, kata McVey, meskipun umumnya terdiri daripada golongan nasionalis antikolonial, namun bukan semuanya pendukung komunis. Bahkan tidak kesemua yang hadir dalam persidangan tersebut menyokong dasar-dasar Soviet Union. Sebaliknya, mereka datang daripada latar belakang politik dan ideologi perjuangan yang berbeza hingga wujud percanggahan pendapat yang ketara antara mereka.

Pandangan McVey diperkuuhkan lagi dengan hakikat bahawa hanya seorang wakil PKM dihantar ke persidangan di Calcutta, iaitu Li Siong. Walaupun beliau memimpin sebuah organisasi pro-komunis, iaitu New Democratic Youth League, namun Li tidak memegang sebarang jawatan penting dalam PKM. Li terpilih sebagai wakil PKM hanya kerana kebolehannya fasih berbahasa Inggeris dan beliau hanya hadir dalam persidangan pertama sahaja (Keang 1984, 32–33; Deery 2003, 47). Li juga tidak terus pulang ke Singapura sehingga 22 Mac 1948. Hal ini bermakna beliau tidak menghadiri Sidang Pleno Keempat Jawatankuasa Pusat (CEC) PKM yang diadakan pada 17–21 Mac 1948, yang dikatakan mula membahaskan soal persediaan untuk “memberontak”. Fakta-fakta berkenaan menimbulkan keraguan munasabah dalam kalangan pengkaji terhadap persoalan sejauh mana beliau telah memainkan peranan sebagai orang tengah yang menyalurkan arahan Soviet kepada PKM untuk bangkit mengangkat senjata. Pandangan McVey kemudiannya telah diperkuatkan oleh sebuah kajian terbaru yang dikemukakan oleh seorang ahli sejarah Rusia sendiri, iaitu Larisa Efimova. Efimova dalam kajianinya menegaskan tidak ada sebarang arahan jelas telah diberikan oleh pihak Soviet Union kepada pihak yang telibat dalam Persidangan Pemuda di Calcutta pada Februari 1948 untuk memberontak dan memulakan Perang Dingin (Efimova 2009).

Satu lagi bukti yang ditonjolkan oleh pengkaji aliran Ortodoks ialah resolusi-resolusi penting yang diputuskan dalam Sidang Pleno Keempat CEC PKM yang diadakan pada 17–21 Mac 1948, yang didakwa turut dihadiri Sharkey. Resolusi-resolusi tersebut dikatakan memutuskan PKM perlu bertindak secara militan bagi menangani tindak balas British, termasuk bersedia mengangkat senjata jika terpaksa. Namun, bukti itu juga dipertikaikan oleh pengkaji aliran Revisionis. Menurut beberapa pengkaji (McLane 1966, 386; Deery 2007, 50–51), dalam Sidang Pleno berkenaan, CEC PKM telah meluluskan tiga resolusi penting yang dikaitkan dengan rancangan PKM untuk mengangkat senjata. Resolusi pertama menekankan keperluan PKM untuk mengembalikan semula disiplin dalam parti setelah berlalunya era kepimpinan Lai Teck yang didakwa mengkhianati parti.

Dua lagi resolusi adalah lebih radikal. Resolusi-resolusi berkenaan menyarankan bahawa perjuangan untuk kemerdekaan di Tanah Melayu hanya boleh dicapai melalui *people's revolutionary war* dan PKM mestilah bersedia memimpin perjuangan tersebut. Resolusi ketiga pula menjelaskan keperluan PKM mengubah strategi perjuangannya daripada "surrenderisme" kepada cara yang lebih militan. Perkara yang ditekankan dalam resolusi terakhir tersebut ialah persediaan yang perlu dibuat PKM untuk menghadapi keadaan yang disebut sebagai "an uncompromising struggle for independence without regard to considerations of legality". Walaupun resolusi-resolusi tersebut menjelaskan tentang perubahan radikal yang perlu dilakukan PKM bagi menjadikan perjuangannya lebih relevan, namun menurut McLane (1966, 386):

The resolutions did not, then, *specifically* called for an uprising, although as internal party documents they might well have done so had it been the intention of the leadership to proceed immediately to armed insurrection. They stressed the urgency of *preparing* for rebellion, not yet of precipitating one.<sup>5</sup>

Frank Furedi merupakan antara sarjana yang paling lantang mengkritik pendekatan ahli sejarah Ortodoks yang dianggap oleh beliau sebagai dibelenggu oleh tafsiran "rasmi" bersifat propaganda daripada pihak British. Bagi Furedi, tanggapan bahawa tindakan British mengisyiharkan darurat adalah bertujuan menghadapi "komplot komunis antarabangsa" yang mengarahkan PKM memberontak sukar dipertahankan. Sebaliknya, isu Perang Dingin hanya digunakan sebagai "a weapon that sought to discredit any legitimate nationalist impulse by reinterpreting it as a communist conspiracy ... Its aim was to make anti-colonial nationalism invisible" (Furedi 1994, 103). Ancaman sebenar terhadap British, jelas Furedi, adalah daripada gerakan nasionalis antikolonial yang diterajui oleh PKM dan objektif utama darurat adalah untuk meneutralkan ancaman tersebut.

Pandangan Furedi adalah berasaskan beberapa hujah. Pertama, dakwaan wujudnya rancangan penentangan bersenjata PKM melalui arahan Soviet tidak dapat dipertahankan dengan sebarang bukti kukuh. Kelemahan dakwaan tersebut diakui sendiri pihak British dan disahkan lagi pihak Amerika Syarikat melalui badan perisikannya, Central Investigation Agency (CIA). Dengan mengambil kira beberapa kes darurat di tanah jajahan British, Furedi (1994, 149), menjelaskan:

In none of these cases did efforts to substantiate the arguments used to justify calling an emergency prove successful. In the case of Malaya, the colonial administration repeatedly conceded that it lacked evidence for the publicly alleged communist plot. The CIA was no more successful. A month before the declaration of the emergency in Malaya, the CIA

reported that “there is no evidence” that the MCP was “financed by or has direct contact with Moscow”. The American Departement of State wrote its consul in Singapore that it “would appreciate copies of... documents” which the “British believe prove that terrorist activities are part of Communist plan to overthrow the Government of Malaya”. This request, though repeated on many occasions, was not to be met.

Kedua, keganasan PKM menurut Furedi bukan berpunca daripada “komplot komunis antarabangsa” atau Perang Dingin tetapi sebaliknya kesan “konspirasi” pihak British sendiri. Pada pandangan Furedi, tindak balas keras yang dilakukan oleh pihak British terhadap aktivis politik dan kesatuan sekerja merupakan sebahagian provokasi yang telah dirancang bagi menggalakkan tindak balas ganas. Keadaan ini membolehkan British menyalahkan sepenuhnya PKM dan anasir-anasirnya sebagai unsur yang memulakan keganasan. Provokasi British dilaksanakan melalui kekerasan yang dikenakan terhadap aktiviti kesatuan sekerja sejak tahun 1947 lagi. Kemuncak kepada provokasi tersebut adalah sekatan yang dikenakan terhadap PMFTU pada April dan Mei 1948 yang menyebabkan golongan buruh kehilangan saluran bagi menyatakan ketidakpuasan hati mengikut cara yang dibenarkan undang-undang. Sekatan itu memaksa mereka mengambil jalan kekerasan dengan melakukan kekacauan dan pembunuhan (Furedi 1994, 150–151).

Ketiga, konsiprasi tersebut direalisasikan melalui tindakan British memanipulasi penggunaan istilah “darurat” bagi mengaburi mata dunia terhadap kekerasannya. “Darurat”, menurut Furedi (1994, 1), adalah satu bentuk “perang kolonial” yang dilancarkan pihak British bagi menghapuskan ancaman penentangnya, iaitu pihak nasionalis, dengan menggunakan alasan menghapuskan anasir “pengganas” dan “penjenayah”.

The term emergency itself confusing. These conflicts were either potentially or actually colonial wars. The term emergency was essentially a public-relations concept. It had the advantage of allowing Britain to adopt wide-ranging coercive powers while maintaining the pretence of normal civil rule. Above all, emergencies helped create the impression that the issue at stake was that of law and order rather than a political challenge to colonialism. An emergency was called to restore order – by definition it aimed to curb those who caused disorder. Emergency measures allowed colonial governors to label their opponents as law-breakers. At a stroke anti-colonial activists could be transformed into criminals or terrorists. (Furedi 1994, 1)

Pandangan Furedi disusuli oleh kajian Stockwell pada tahun 1993. Dalam analisis beliau tentang perkaitan sebenar antara komunisme, keganasan dan tindak balas British, Stockwell telah menimbulkan persoalan sejauh mana benarnya pandangan yang mendakwa darurat merupakan satu tindakan British bagi menangani keadaan yang disebut sebagai “a widespread and long-concocted plot to overthrow government in Malaya”.

Bagi Stockwell, pandangan tersebut sukar dipertahankan kerana tiada bukti jelas menunjukkan wujudnya “komplot komunis” untuk menjatuhkan kerajaan British di Tanah Melayu. Hakikat bahawa pihak British tidak mempunyai sebarang bukti bagi mengaitkan keganasan di Tanah Melayu dengan “komplot komunis” dan rancangan pemberontakan bersenjata oleh PKM, menurut Stockwell (1993, 74), telah diakui oleh pentadbir British sendiri. Stockwell memberikan beberapa contoh, antaranya pengakuan Alexander Newboult, Ketua Setiausaha Kerajaan Persekutuan Malaya, kepada pihak Konsul Amerika Syarikat bahawa mereka tidak mempunyai bukti konklusif untuk mengaitkan keganasan dan pembunuhan yang berlaku di Tanah Melayu dengan tindakan PKM. Selain itu, Creech Jones, Setiausaha Tanah Jajahan Britain, juga menyatakan, “There is no concrete evidence that the Malayan Communist Party is directly responsible for the present lawlessness but extreme political factions and certain trade unions have been infiltrated by communism” (Stockwell 1993, 76). Bahkan, penjelasan daripada sumber Pejabat Kolonial sendiri yang menilai tentang kegiatan komunisme di Tanah Melayu juga menyebut hal yang serupa.

No decisive evidence has yet been received here [in London] of the direct complicity of the Malayan Communist Party or the P.M.F.T.U. in any of the actual murderous attacks which have occurred but the High Commissioner has stated that he has sufficient evidence to show that much of the violence is due to organised incitement by extremist elements who challenge the authority of the Government. (Stockwell 1993, 76)

Walaupun menegaskan tidak wujud sebarang bukti jelas tentang rancangan PKM untuk memberontak bagi menjatuhkan kerajaan kolonial, Stockwell mempersoalkan pula pandangan Furedi bahawa darurat adalah “konspirasi” British bagi membendung gerakan antikolonial. Stockwell menjelaskan reaksi British yang sering berubah terhadap ancaman PKM dan ketidaksediaannya mengambil tindakan terburu-buru untuk mengharamkan PKM tanpa terlebih dahulu memperoleh bukti kukuh yang menunjukkan tidak wujud sebarang konspirasi di pihak British bagi mengharamkan PKM. Pendek kata, Stockwell menolak kedua-dua pendapat bahawa darurat diisyiharkan kerana wujudnya “komplot komunis” mahupun “konspirasi British” untuk menghancurkan PKM.

Sebaliknya, Stockwell menghujahkan bahawa darurat diisytiharkan oleh pihak British bagi mengurangkan tekanan daripada golongan yang menjadi punca dan sumber pengekalan kuasa ekonominya di Tanah Melayu, iaitu peniaga Eropah dan elit Melayu. Mereka sentiasa mendesak agar tindakan segera diambil bagi menangani pihak yang melakukan kekacauan dan seterusnya mewujudkan keamanan di Tanah Melayu. Oleh itu, Stockwell (1993, 85) menjelaskan, “We are led to the conclusion, therefore, that ministers decided to ban the MCP in July 1948, not because they had irrefutable proof of a communist plot nor because they had an interest in concocting one, but as an attempt to restore confidence in the colonial regime”.

Phillip Deery dalam tulisannya bertajuk *Malaya 1948: Britain's Asian Cold War?* (2007) turut mempertikaikan pandangan yang mendakwa bahawa perisyntiharhan Darurat 1948 telah didorong oleh konflik Perang Dingin. Walaupun tidak menafikan kaitan PKM dengan pihak komunis antarabangsa, namun Deery (2007, 40–45) menegaskan faktor-faktor yang mendorong PKM menjadi lebih militan dan memikirkan persiapan untuk bertindak secara kekerasan bukan disebabkan oleh arahan luar, akan tetapi lantaran tekanan dalaman, iaitu masalah kepimpinan, desakan golongan muda dan radikal dalam PKM serta tindakan provokasi British sendiri terhadap aktiviti-aktiviti komunis. Deery juga mempertikaikan pandangan yang mendakwa PKM mempunyai rancangan tersusun untuk mengangkat senjata terhadap British. Menurut Deery (2007, 33), rancangan pemberontakan bersenjata oleh PKM “far from being meticulously prepared and carefully coordinated as is often alleged, was inadequately planned and poorly executed”. Walaupun prinsip perjuangan mereka mula berubah kepada bercorak militan selepas era Lai Teck, namun menurut Deery (2007, 45), PKM pada hakikatnya masih belum bersedia menentang British dan tidak langsung menjangkakan pihak British akan bertindak secara drastik mengisytiharkan darurat hingga menyebabkan mereka terpaksa menghadapi tindak balas British tersebut dalam keadaan panik.

The timing of the State of Emergency clearly took the MCP by surprise. Consequently, the party’s decision to go underground was ad hoc; its retreat to the jungle was made in panic; and its switch from urban to rural revolt was confused. These moves left the MCP’s “front” organizations off balance, leaderless, and isolated. In this sense, the decision to mobilize for guerrilla warfare was accelerated by, and partly in response to, the severity of government action in May–June 1948. The notion that the MCP was following a carefully planned strategy – a strategy coordinated by a highly centralized party structure – is fallacious. (Derry 2007, 45)

Hujah ahli sejarah Revisionis berkenaan telah diperkuatkan lagi dengan pengakuan yang dibuat sendiri oleh Chin Peng, Setiausaha Agung PKM. Dalam dua buku yang

mencatatkan tentang pengalamannya, iaitu *Alias Chin Peng: My Side of History* (2003) dan *Dialogues with Chin Peng* (2004), Chin Peng menegaskan keganasan yang berlaku di Tanah Melayu pada tahun 1940-an bukanlah tindakan yang didorong oleh rancangan pemberontakan PKM melalui arahan luar, sebaliknya adalah reaksi dalaman terhadap provokasi pihak British. Menurut Chin Peng:

The prominent factor that influenced us, when we decided to take up arms, was the British policy at the time. We felt we were being cornered, gradually backed into the corner. We had nowhere to move... Of course, the international factor played some role, but not as decisive as that. (Chin dan Hack 2004, 117)

Chin Peng (2003, 218, 222) juga mengakui peristiwa pembunuhan tiga majikan Eropah di Sungai Siput adalah satu tindakan yang dilakukan oleh penyokong PKM, namun bukan atas arahan rasmi beliau sebagai pemimpin tertinggi PKM mahupun pihak CEC PKM sebagai perisytiharan perang terhadap British. Bahkan, Chin Peng menjelaskan pembunuhan tersebut merupakan "satu kesilapan".

Neither I, nor the Central Committee, had ordered the killing of European planters. Despite speculation at the time and since, the CPM at no point in the emergency ever drew up a planters' hit list. Indeed, if I had my way, the killings at Sungei Siput would never have taken place. They resulted from over-enthusiasm for revenge at the local level coupled with a serious lack of command control at the state level. (Chin Peng 2003, 222)

### **Reaksi dan Kritikan Ahli Sejarah Neo-Ortodoks**

Pendekatan ahli sejarah Revisionis yang menolak usaha mengaitkan darurat dengan "konspirasi komunis antarabangsa" dan Perang Dingin mutakhir ini menerima reaksi hebat daripada beberapa pengkaji sejarah. Antara pengkaji tersebut ialah Karl Hack dan C.C. Chin yang mempelopori pandangan aliran Neo-Ortodoks (atau sesetengah sarjana, misalnya Deery, menganggap pendekatan tersebut sebagai pandangan Pasca-Revisionis) dalam persejarahan darurat.

Hack menjelaskan perubahan taktik PKM sejak penghujung Mac 1948 daripada "Barisan Bersatu" kepada strategi yang lebih militan mempengaruhi keputusan PKM untuk memberontak walaupun tindakan tersebut pada masa itu dianggap *over-determined* (Hack 2009, 471). Perubahan ini, menurut Hack, ditandai dengan peningkatan kempen keganasan oleh PKM bermula dari Februari hingga Jun 1948, yang menyaksikan aktiviti mogok, kekacauan dan pembunuhan di Tanah Melayu meningkat secara mendadak. Perubahan taktik PKM tersebut, jelas Hack

(2009, 471–72), harus dilihat sebagai reaksi PKM terhadap perubahan strategi gerakan komunis di seluruh Asia Tenggara yang bergerak ke arah perjuangan militan. Sejak tahun 1948, gerakan komunis di Asia Tenggara telah bangkit seiring dengan tuntutan komunis antarabangsa yang menyaksikan bukan sahaja gerakan komunis di Tanah Melayu, malah di Burma, Filipina, Indonesia dan Vietnam juga telah meminggirkan dasar “Barisan Bersatu” dan melancarkan kempen-kempen keganasan. Perubahan taktik perjuangan PKM kepada yang lebih ganas, menurut Hack, telah memaksa British mengisytiharkan darurat di Tanah Melayu.

Sungguhpun demikian, Hack mengakui sebab sebenar darurat diisytiharkan sukar ditentukan. Malah, beliau bersetuju dengan pendekatan yang diambil oleh beberapa pengkaji seperti Short dan Stubbs yang memperlihatkan darurat sebagai bukan didorong oleh satu faktor sahaja tetapi pelbagai sebab dalaman dan luaran. Namun begitu, Hack tetap menegaskan faktor luaran, iaitu dorongan komunis antarabangsa dan kesan Perang Dingin mempunyai pengaruh besar terhadap keputusan PKM untuk memberontak. Keadaan ini ditambah lagi dengan wujudnya provokasi pihak British yang menggalakkan tindak balas kekerasan PKM. Walaupun PKM diakui belum bersedia menghadapi British melalui peperangan terbuka, namun provokasi British, jelas Hack, telah memaksa PKM mengambil keputusan selaras dengan tuntutan komunis antarabangsa, iaitu perjuangan secara militan dan bersenjata.

Pandangan serupa turut dinyatakan oleh Chin. Beliau mendakwa PKM sememangnya mempunyai rancangan yang tersusun untuk mengangkat senjata menentang British, iaitu pada September 1948. Dakwaan ini adalah berdasarkan penelitiannya terhadap beberapa dokumen PKM dan rekod sejarah lisan beberapa pemimpin PKM, khususnya keputusan yang dicapai dalam mesyuarat CEC PKM sejak Mac 1948 (Chin 2009, 16–27). Chin menghujahkan bahawa sungguhpun doktrin “dua kem” yang dikemukakan oleh pemimpin komunis Rusia, iaitu Andrei Zhdanov dalam ucapannya di Cominform pada September 1947 turut mempengaruhi keputusan PKM (Chin 2009, 14), namun PKM membuat keputusan untuk mengangkat senjata bukan kerana menuruti doktrin tersebut atau atas arahan Soviet. Chin sebaliknya mengaitkan keputusan PKM berkenaan dengan arahan yang dibuat oleh PKC. Menurut Chin (2009, 14–15):

The characteristics of the MCP were determined by the fact that it evolved from the CCP’s Nanyang Branch. Thus, the MCP was greatly under the influence of the CCP and followed the CCP tactics in its political struggle. It is almost unlikely that the MCP would simply act in accordance with CPSU [Communist Party of Soviet Union] instructions, as the MCP followed Mao’s teaching that each individual party had to observe closely its own situation and decide its own course of action.

Berdasarkan hujah tersebut, Chin berpendapat rancangan untuk memberontak merupakan satu keputusan sendiri yang dibuat oleh kepimpinan PKM selaras dengan keadaan semasa yang wujud di Tanah Melayu pada ketika itu dan bukannya berdasarkan arahan Soviet atau dipengaruhi konflik Perang Dingin. Chin sebaliknya menjelaskan rancangan pemberontakan PKM berpunca daripada tekanan dalaman, iaitu provokasi pihak British terhadap aktiviti komunis dan kesatuan sekerja. Bagi Chin, tindakan kekerasan British terhadap PKM dan anasir-anasirnya menggambarkan wujudnya "a well-planned tactic by the British to provoke the MCP to resort to armed struggle" (Chin dalam Mason 2009, 4). Tindakan British tersebut jelas telah mempengaruhi PKM untuk menyusun rancangan pemberontakan bersenjata. Namun demikian, sebelum sempat melaksanakan pemberontakan seperti yang dirancangkan, iaitu pada September 1948, pihak British telah bertindak lebih awal. Menurut Chin (2009, 27):

The British offensive commencing in June 1948 with the declaration of emergency in combination with mass arrests and the mobilising of forces was planned well in advance. Though the MCP had planned to initiate the armed revolt in the month of September, the British offensive acted three months in advance and caught the MCP by surprise. This had created a chaotic situation for the MCP.

### **Antara Ortodoks dengan Revisionis: Beberapa Kelemahan**

Penjelasan yang dikemukakan oleh pengkaji aliran Ortodoks yang mengaitkan Darurat 1948 dengan pemberontakan PKM dan "komplot komunis antarabangsa" kini telah dianggap amat lemah dan ketinggalan zaman. Pandangan Ortodoks telah dikritik hebat khususnya oleh pengkaji aliran Revisionis kerana dianggap terlalu bergantung kepada laporan rasmi yang dikemukakan oleh pentadbir kolonial dan sumber perisikan British lantas terdedah kepada manipulasi pemikiran dan dakyah pihak kolonial (Furedi 1994).

Dari sudut rujukan, pengkaji aliran Revisionis mempunyai lebih banyak kelebihan kerana dapat meneliti rekod-rekod baharu yang dikeluarkan oleh pihak Arkib Kebangsaan Britain sejak penghujung 1990-an. Dengan menggunakan bukti-bukti terbaharu daripada sumber British dan PKM secara kritikal, mereka secara yakin menghujahkan bahawa PKM sememangnya tidak bersedia untuk mengangkat senjata menentang British sehingga tahun 1948. Malah, sumber-sumber terbaharu berkenaan juga menunjukkan pihak British sendiri masih ragu-ragu untuk mengaitkan keganasan yang berlaku di Tanah Melayu pada tahun 1940-an dengan pemberontakan PKM secara langsung. Hal ini kerana British tidak mempunyai suatu bukti konkret yang dapat mengaitkan keganasan di Tanah Melayu sebelum

tahun 1948 dengan pemberontakan PKM. British juga seolah-olah begitu keberatan untuk mengisyiharkan pengharaman PKM lebih awal tanpa adanya bukti-bukti yang kukuh. Bahkan, peristiwa pembunuhan tiga majikan Eropah yang sering dianggap oleh pengkaji aliran Ortodoks sebagai bukti utama pemberontakan PKM adalah sangat lemah dan tidak dapat disahkan oleh British sendiri sebagai perbuatan PKM. Malah, seperti yang dijelaskan sebelum ini, pembunuhan tersebut telah dinafikan sendiri oleh Chin Peng sebagai tindakan yang dilakukan atas arahan rasmi PKM.

Para pengkaji aliran Revisionis juga mempersoalkan kesesuaian waktu darurat tersebut diisyiharkan, iaitu ketika PKM sedang berada dalam keadaan yang cukup lemah dan tidak bersedia untuk menghadapi sebarang konfrontasi dengan British. Mereka sedang berpecah dan menghadapi krisis dalaman yang hebat selepas era Lai Teck, ketiadaan sokongan menyeluruh daripada masyarakat, sama ada orang Melayu mahupun bukan Melayu, serta keadaan ekonomi Tanah Melayu semakin baik yang menyebabkan kekuatan gerakan kesatuan sekerja yang dipengaruhi komunis juga semakin merosot atau telah dapat dilemahkan. Oleh itu, pengkaji aliran Revisionis mempersoalkan faktor-faktor yang menyebabkan British mengambil tindakan yang seolah-olah begitu terdesak untuk mengisyiharkan darurat ketika suasana semakin pulih dan PKM pula masih belum menunjukkan kesediaannya untuk berkonfrontasi secara terbuka dengan pihak British.

Pengkaji Revisionis juga mengkritik pendekatan aliran Ortodoks yang terlalu memusatkan perhatian mereka terhadap konflik yang wujud antara PKM-British sehingga kelihatan meminggirkan kaitan darurat dengan tekanan-tekanan lain yang sedang dihadapi oleh British pada ketika itu, misalnya daripada gerakan nasionalis yang turut mencabar British. Kajian menarik oleh Furedi menunjukkan darurat bukanlah satu tindakan khusus yang hanya dilaksanakan di Tanah Melayu sahaja namun juga berlaku di tempat-tempat lain yang menyebabkan British turut menghadapi cabaran daripada penduduk tempatan. Misalnya, darurat juga telah diisyiharkan di beberapa buah negara jajahan British di Afrika bagi menghadapi tantangan antikolonial, namun bukan daripada komunis, sebaliknya daripada gerakan-gerakan nasionalis. Hal ini menjelaskan istilah darurat di Tanah Melayu harus ditafsirkan secara lebih meluas berbanding kecenderungan sempit pengkaji aliran Ortodoks yang hanya melihatnya sebagai kempen British untuk menghadapi ancaman komunis semata-mata. Malah bagi Furedi, Darurat 1948 di Tanah Melayu bukan ditujukan khusus terhadap gerakan komunis. Sebaliknya, ancaman komunis sengaja diperbesarkan untuk membolehkan British mewujudkan suatu keadaan yang membolehkan darurat diisyiharkan dan memberi justifikasi kepada British untuk menghapuskan sama sekali ancaman gerakan antikolonial, termasuk gerakan nasionalis. Pendek kata, bagi pengkaji-pengkaji aliran Revisionis seperti

Furedi, Stockwell dan Deery, tujuan sebenar British mengisyiharkan darurat bukanlah kerana wujudnya bukti-bukti jelas rancangan atau pemberontakan PKM, namun sebaliknya lebih sebagai suatu usaha British menggunakan keadaan yang ada untuk menjamin kepentingan dan pengekalan penjajahannya di Tanah Melayu.

Walaupun demikian, di sinilah terletaknya kelemahan pandangan yang dibawa oleh pengkaji-pengkaji aliran Revisionis tersebut. Setelah menjelaskan darurat sengaja dicipta oleh British untuk mempertahankan kepentingan penjajahannya dan melemahkan cabaran nasionalis, mereka akhirnya menegaskan pula bahawa gerakan nasionalis yang dimaksudkan ialah gerakan yang dipimpin oleh PKM (Furedi 1994). Seperti pendapat aliran Ortodoks, pengkaji aliran Revisionis khususnya dalam kalangan pengkaji Barat kelihatan gagal untuk mengelakkan diri daripada terus "terbelenggu" dengan pandangan umum (yang sebahagiannya berpunca daripada propaganda British) bahawa hanya PKM sahaja gerakan "nasionalis" yang serius dan mampu mencabar British dan menjadi satu-satunya sasaran semasa perisytiharan Darurat 1948. Kekeliruan timbul kerana mereka menyamakan gerakan nasionalis, termasuklah gerakan agama, dengan gerakan komunis. Walaupun sesetengah individu mahupun kepimpinan kiri-Melayu misalnya mungkin mempunyai kaitan dengan gerakan komunis sebelum mahupun selepas darurat, namun secara keseluruhan gerakan agama dan kiri-Melayu mempunyai perjuangan dan ideologi yang berbeza dengan PKM. Didorong oleh kegagalan memahami perbezaan tersebut menyebabkan Furedi memasukkan sahaja gerakan kiri dalam perjuangan komunis, sehingga beliau cukup yakin untuk mendakwa bahawa gerila komunis merupakan *the nationalist force* sebenarnya yang telah berjuang menentang British dan menuntut kemerdekaan Tanah Melayu (1994, 214). Stockwell pula menegaskan komunisme di Tanah Melayu adalah gerakan nasionalis yang sebenar dan PKM adalah "*the only party* [penekanan oleh penulis] committed to the liberation of the Malayan people" (1993, 69).

Isu sama ada PKM merupakan pejuang kemerdekaan yang cuba membebaskan Tanah Melayu daripada cengkaman British itu sendiri masih menimbulkan kontroversi dan perdebatan masyarakat umum di Malaysia sehingga kini. Namun begitu, suatu hal yang jelas adalah matlamat utama PKM bukanlah untuk mencapai kemerdekaan bagi seluruh penduduk Tanah Melayu tetapi untuk menjadikan Tanah Melayu hanya sebahagian daripada satelit komunis sama ada di bawah telunjuk kuasa besar China mahupun Soviet. Penjelasan oleh Chin Peng sendiri menunjukkan PKM sebenarnya lebih bersedia untuk bekerjasama dengan British bagi mencapai matlamatnya memperoleh kuasa berbanding bangkit secara kekerasan untuk membebaskan Tanah Melayu. Malah, "kemerdekaan" di bawah PKM itu sendiri menimbulkan banyak keraguan, sama ada dapat diterima oleh

nasionalis Melayu yang berbeza ideologi perjuangan dan orang Melayu sendiri yang merupakan penduduk asal dan majoriti di Tanah Melayu.

Suatu hal yang ketara ialah pengkaji aliran Revisionis seperti Furedi gagal melihat bahawa gerakan komunis dan PKM di Tanah Melayu, dengan beberapa kekecualian,<sup>6</sup> lebih merupakan satu unsur “asing” dalam sejarah kemerdekaan Tanah Melayu. Sifat perjuangan PKM yang masih berkiblatkan semangat nasionalisme China dan kepentingan orang Cina menjadikannya bukan lagi gerakan komunis yang bersifat sejagat, tetapi satu bentuk nasionalisme orang asing di Tanah Melayu. Sifat perjuangan mereka yang sempit menjadikannya begitu lemah dan tidak mendapat sokongan rakyat Tanah Melayu sehingga PKM hanya mampu menumpang dan mengambil kesempatan daripada kekuatan gerakan nasionalis di Tanah Melayu. Tanpa menumpang gerakan nasionalis Melayu atau gerakan-gerakan lain, PKM tidak mempunyai kekuatan untuk melancarkan aktiviti-aktiviti yang bersifat mencabar British, apatah lagi mempunyai keyakinan untuk mengangkat senjata. Bahkan, perjuangan PKM yang berfokuskan kepentingan orang Cina dan berkiblat negara China hanya disokong oleh sebahagian kecil orang Cina dan ditolak oleh majoriti penduduk Tanah Melayu, termasuklah dalam kalangan nasionalis Melayu yang bersikap anti-British (Nabir Haji Abdullah 1976; Mohamad Nassir Kassim 2016).

Kelemahan utama pandangan aliran Ortodoks mahupun Revisionis ialah kegagalan ahli sejarah aliran tersebut untuk melihat pengaruh sebenar gerakan nasionalis, khususnya dari kelompok peribumi dan penduduk majoriti penduduk Tanah Melayu, iaitu orang Melayu. Dalam tulisan pengkaji tersebut, pengaruh gerakan nasionalis kiri-agama Melayu misalnya sering diremehkan berbanding gerakan komunis, atau diperlihatkan hanya sebahagian daripada gerakan PKM, atau secara mudahnya dikatakan berjaya diresapi, dipengaruhi dan dikuasai PKM (Cheah 1979; Mahmud 1985; 1992a; 1992b; Stubbs 1989; Stockwell 1993; Furedi 1989; 1994; Ramlah Adam 1998; 2004; 2010). Pandangan ini sebenarnya boleh diperlihatkan turut cenderung dipegang, bahkan “tuduhan” seolah-olah sengaja dibuat oleh pihak perisikan British demi memburukkan gerakan nasionalis dan menghalang sokongan orang Melayu terhadapnya (MSS, 1946–48). Disebabkan kecenderungan menganggap gerakan nasionalis Melayu sebagai sebahagian gerakan PKM atau dikuasai sepenuhnya oleh PKM, maka perhatian ahli sejarah terhadap kaitan perisytiharan Darurat 1948 dengan ancaman mereka terhadap kolonialisme British tidak begitu ditekankan. Malah, pengkaji aliran Revisionis ternyata gagal merujuk kepada sumber-sumber atau kajian-kajian penting tentang gerakan nasionalis Melayu, khususnya gerakan kiri dan agama Melayu, yang membolehkan mereka memahami sikap serta prinsip perjuangan orang Melayu

dari sudut pandangan mereka sendiri, bukannya berdasarkan tafsiran sumber rasmi British mahupun suara PKM.

Dengan hanya merujuk sejarah gerakan antikolonial di Tanah Melayu berdasarkan sumber-sumber British dan PKM sahaja, tidak hairanlah tafsiran sejarah Revisionis seperti dibawa oleh Furedi dan Stockwell sebelum ini menjadi tidak seimbang. Mereka cuba memperlihatkan yang pertamanya, pengaruh PKM yang begitu kuat terhadap gerakan nasionalis, selain gerakan nasionalis Melayu seperti gerakan kiri-agama itu telah ditelan atau dikawal sepenuhnya oleh PKM dan bahawa perjuangan nasionalisme Melayu itu serasi dengan prinsip, atau setidak-tidaknya, hala tuju perjuangan PKM. Oleh itu, dalam perbincangan mereka, ahli sejarah Revisionis tersebut tidak mengasingkan atau membezakan antara gerakan nasionalis Melayu dengan gerakan komunis (Stockwell 1993; Furedi 1989; 1994). Sumbangan gerakan nasionalis Melayu tersebut hanya dimasukkan sahaja dalam tema perjuangan PKM, lebih-lebih lagi setelah segelintir kepimpinan kiri menyertai Regimen Ke-10 sayap PKM. Begitu juga dalam perbincangan tentang darurat, perkara yang difokuskan juga berkisar kepada perkaitan antara darurat dengan Perang Dingin dan peranan kuasa-kuasa besar. Oleh itu, sumber yang sering dirujuk dalam pentafsiran sejarah sehingga kini hanyalah berkisar kepada sumber Soviet Union, British, Amerika Syarikat, Australia atau PKM sendiri, manakala sumber-sumber tersendiri yang menerangkan tentang gerakan nasionalis Melayu, yang turut menjadi sasaran utama Darurat 1948, hampir diketepikan sama sekali.

Kekurangan yang terdapat dalam pandangan aliran Revisionis nampaknya cuba ditampung oleh pandangan-pandangan mutakhir yang dikemukakan oleh para pengkaji sejarah tempatan, yang boleh dikategorikan sebagai pengkaji Pasca-Revisionis (antaranya Abdul Rahman Haji Ismail [2009], Azmi Arifin [2014; 2017] dan Mohamad Nassir Kassim [2016]). Pandangan alternatif yang dikemukakan oleh beberapa pengkaji tempatan tersebut menekankan kepentingan untuk melihat darurat sebagai satu reaksi British bagi menghadapi ancaman gerakan nasionalis kiri-agama Melayu berbanding dengan ancaman komunis yang dikuasai minoriti orang Cina. Mereka menganggap gerakan komunis yang diperjuangkan oleh PKM lemah dan gagal, tidak mampu mendapat sokongan rakyat Tanah Melayu dan tidak berupaya mencabar pemerintahan British berbanding perkara yang telah dicapai dan diperjuangkan oleh gerakan nasionalis kiri-agama Melayu.

Pandangan alternatif ini menjelaskan gerakan nasionalis kiri-agama Melayu sebagai gerakan yang mendapat sokongan meluas dan sedia bekerjasama dengan nasionalis bukan Melayu sehingga menimbulkan keimbangan kepada pihak British. Keadaan ini begitu ketara lebih-lebih lagi kerana gerakan nasionalis Melayu tersebut adalah sah, tuntutan kemerdekaannya diiktiraf pihak antarabangsa

(termasuk oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) dan oleh kerana melibatkan penduduk tempatan, maka amat sukar untuk ditangani pihak British berbanding ancaman komunis yang ditangani dengan cara menghalau keluar semua orang asing yang disyaki terlibat. Dalam laporan-laporan perisikan British dinyatakan secara jelas dan meluas tentang kebimbangan pihak British sekiranya gabungan gerakan nasionalis Melayu-bukan Melayu, terutama melalui pembentukan Pusat Tenaga Rayat (PUTERA)-All-Malaya Council of Joint Action (AMCJA) 1947 akan mewujudkan satu perpaduan kebangsaan yang kuat yang pastinya akan menjelaskan cengkaman British dan menggugat kedudukan United Malays National Organization (UMNO) yang disokong oleh British (MSS, 1946–48). Malah, kegagalan sepenuhnya pihak British dan UMNO dalam menyerap tekanan gerakan kiri-agama Melayu dan menghalang sokongan meluas orang Melayu dikatakan telah menjadi punca utama yang memaksa British bertindak secara kekerasan dengan mengisyitiharkan darurat di seluruh Tanah Melayu pada Julai 1948 (Azmi 2014, 17–21).

Tekanan suasana tahun 1948 yang menonjolkan cabaran utama daripada pihak nasionalis yang bersatu – nasionalis-Islamis dan Melayu-bukan Melayu – ternyata menggusarkan pihak British. Kebimbangan ini, jelas pengkaji, terserlah melalui laporan-laporan yang dikemukakan dalam sumber-sumber perisikan British yang menjelaskan tentang sokongan masyarakat yang semakin meningkat terhadap gerakan kiri dan kemerosotan mendadak sokongan terhadap UMNO (Azmi 2014, 17–21; 2017, 1–24). Hal ini menjelaskan latar belakang sebenar yang mendorong kepada langkah-langkah “mengelirukan” yang diambil oleh pihak British untuk mengisyitiharkan darurat dan tindakan lebih mengelirukan sebaik sahaja darurat diisyitiharkan. Antaranya, British telah menangkap secara beramai-ramai golongan nasionalis kiri dan kepimpinan agama Melayu, yang sesetengahnya jelas bersikap anti-komunis, dengan menggunakan peruntukan undang-undang darurat yang luas. Mereka yang ditangkap dipenjarakan tanpa perbicaraan atas tuduhan-tuduhan yang tidak jelas (Azmi Arifin 2014, 21). Pada masa yang sama, British teragak-agak untuk mengambil tindakan mengharamkan PKM kerana dikatakan masih tidak mempunyai bukti-bukti yang kukuh untuk mengaitkan PKM dengan keganasan yang berlaku walaupun darurat telah diisyitiharkan atas nama memerangi keganasan PKM. Oleh itu, PKM tidak segera diisyitiharkan sebagai sebuah organisasi haram sehingga sebulan selepas darurat diisyitiharkan, iaitu setelah beberapa bulan gerakan politik kiri seperti Angkatan Pemuda Insaf (API) diharamkan dan pemimpinnya Ahmad Boestamam ditangkap dan dipenjarakan. Hal ini telah menimbulkan persoalan sejauh manakah darurat yang diisyitiharkan oleh British pada 1948 adalah bertujuan bagi menghadapi “pemberontakan bersenjata” PKM atau sebenarnya bagi menangani gerakan nasionalis yang menjadi ancaman sebenar kepada kelangsungan kolonialisme British di Tanah Melayu?

## Rumusan

Berdasarkan perbincangan di atas, tulisan ini cuba menjelaskan perspektif yang dipegang oleh ahli sejarah mengikut aliran-aliran tertentu dalam membicarakan sebab utama mengapa darurat diisytiharkan oleh pihak British di Tanah Melayu pada tahun 1948. Ahli sejarah yang membicarakan hal ini boleh dipecahkan kepada beberapa aliran utama yang memberikan tafsiran berbeza tentang sebab-sebab yang mendorong perisyiharan darurat, iaitu aliran Ortodoks, Revisionis, Neo-Ortodoks dan Pasca-Revisionis. Walaupun tidak dinafikan setiap aliran dan pendekatan yang dibawa adalah berdasarkan hujah-hujah dan bukti-bukti yang tersendiri, namun kajian ini menjelaskan pendekatan Ortodoks yang diterima umum oleh ahli sejarah dan dimuatkan dalam buku-buku teks sekolah sudah tidak lagi sesuai dipertahankan kerana mempunyai banyak kelemahan. Pada masa yang sama, pandangan mutakhir yang dikemukakan oleh pengkaji Revisionis mahupun Neo-Ortodoks walaupun menyarankan sudut pandangan berbeza, masih lagi berpegang kepada satu rumusan yang hampir sama yang dibawa oleh aliran Ortodoks—bahawa Darurat 1948 di Tanah Melayu diisytiharkan oleh pihak British disebabkan oleh wujudnya ancaman PKM.

Namun seperti yang dijelaskan, kelemahan kajian-kajian yang ada sehingga kini adalah berpunca daripada kekeliruan ahli sejarah yang cuba menyamakan atau memasukkan seluruh gerakan nasionalis, termasuklah nasionalis kiri-agama Melayu, dalam perjuangan PKM yang dikuasai orang Cina. Pada masa yang sama, perjuangan PKM yang tidak mendapat sambutan dan sokongan telah ditonjolkan dan diperbesarkan sebagai “satu-satunya” gerakan nasionalis yang mencabar pihak British. Akibatnya, perjuangan gerakan nasionalis kiri-agama Melayu itu dikelirukan dan “dikomuniskan” sehingga sejarah mereka tenggelam dalam pengkisahan sejarah perjuangan PKM. Pandangan tersebut gagal mengambil kira tentang pengaruh dan ancaman sebenar gerakan nasionalis kiri-agama Melayu terhadap British dan perbezaan atau percanggahan perjuangan mereka dengan gerakan komunis. Begitu juga, ahli sejarah telah gagal menjelaskan pihak British telah bertindak menggunakan sepenuhnya perisyiharan Darurat 1948 sebagai satu langkah untuk menghancurkan gerakan nasionalis, yang sengaja dituduh atau diburukkan sebagai pengganas dan pendokong komunis.

Kajian ini menyarankan agar ahli sejarah melihat dan meneliti semula kelompongan yang masih wujud dalam persejarahan darurat sehingga kini, khususnya dengan mengambil kira beberapa bukti dan hujahan kukuh yang telah dikemukakan, khususnya oleh pengkaji aliran Pasca-Revisionis. Mereka mengemukakan pandangan baharu yang lebih kukuh berdasarkan bukti-bukti baharu yang begitu jelas dan menyeluruh, tetapi umumnya masih belum mendapat perhatian

sewajarnya dalam penelitian sejarah. Pandangan mereka menghujahkan bahawa pendekatan Ortodoks dan Neo-Ortodoks yang dikemukakan sehingga kini adalah sukar dipertahankan, malah pendekatan kelompok Revisionis yang dianggap kukuh pada hari ini juga harus dirombak kerana terlalu memusatkan perhatian kepada kelompok komunis dengan meninggalkan, peranan kelompok agama yang begitu signifikan. Pandangan pengkaji Pasca-Revisionis adalah relevan sesuai dengan penemuan bukti-bukti meluas yang menunjukkan kelompok agama juga memainkan peranan penting selain kelompok kiri dalam gerakan penentangan terhadap British yang mempengaruhi perisytiharan Darurat 1948. Dengan hujah-hujah dan bukti-bukti yang dikemukakan oleh mereka juga, boleh dikatakan amat sukar untuk dinafikan bahawa darurat bukanlah diwujudkan oleh British semata-mata untuk membendung ancaman anasir komunis, tetapi juga dilaksanakan untuk menghancurkan ancaman gerakan nasionalis (kiri mahupun agama) yang dapat menggugat kelangsungan penjajahannya di Tanah Melayu.

### Nota

1. Mereka ialah Arthur Walker, pengurus Estet Elphil, Sungai Siput; John Allison, Pengurus Estet Phin Soon, Sungai Siput dan pembantunya, Ian D. Christian (lihat Miller 1954, 82). Dalam hal ini, Furedi (1994, 160) menjelaskan, “In the case of Malaya, the shooting of three European planters at Sungai Siput on 16 June 1948 is often seen as the incident which forced the hand of the imperial power … it was ‘this event which led the colonial government to declare emergency’. Antara organisasi di bawah pengaruh PKM yang diharamkan semasa darurat ialah New Democratic Youth League, Indian New Democratoc Youth League dan Malayan People’s Anti-Japanese Army Servicemen’s Association.
2. Menurut Attlee, “There is a distinct danger that, as measures are developed for the security of Europe and the Middle East, pressure [from the Soviet Union] upon South East Asia will increase. Conditions there are generally speaking favourable for the spread of Communism, and if the general impression prevails in South East Asia that the Western Powers are both unwilling and unable to assist in resisting Russian pressure … eventually the whole of South East Asia will fall a victim to the Communist advance and thus come under Russian domination” (Attlee dalam Deery 2003, 31).
3. Beberapa sarjana telah membincangkan tentang pengaruh dan kesan Perang Dingin dalam menggerakkan darurat di Tanah Melayu mahupun di seluruh Asia Tenggara. Antaranya ialah Ovendale (1982), Greenwood (2000), Mason (2009) dan Lau (2012).
4. Selain beberapa pengkaji yang disebutkan, terdapat beberapa sarjana lain misalnya Crozier (1965, 64) yang menjelaskan kebangkitan komunis di seluruh Asia Tenggara pada tahun 1948 sebagai “part of a pre-determined plan worked out in Moscow and Calcutta”. Jackson (1991, 12–13) turut mendakwa bahawa pihak Moscow telah memberi *fresh instructions* kepada PKM pada Februari 1948 untuk mewujudkan “unrest in the far Eastern colonies” dan disebabkan oleh faktor inilah yang memaksa

darurat diisytharkan. Sanders (1990) pula menyalahkan pihak Beijing dengan mengatakan "the covert material support which the Beijing regime provided to the Malayan revolutionaries" sebagai punca yang menggalakkan pemberontakan PKM meskipun dakwaan tersebut dinafikan oleh pihak British sendiri.

5. Pandangan sama oleh Deery (2007, 50) yang menjelaskan, "The resolutions were about intentions. They emphasized the need to prepare for a rebellion. The militancy of the 4th Plenum was less a turning point than a benchmark along a path on which the MCP had been moving since 1947. Clarity, discipline, and coordination as well as an explicit revolutionary program – normally the sine qua non of successful insurrection – were absent".
6. Kekecualian ini ialah dengan mengambil kira penglibatan segelintir pemimpin agama dan kiri-Melayu dalam gerakan sosialis-komunis, terutama selepas darurat seperti Shamsiah Fakeh dan Abdullah C.D. yang amat jelas dengan perjuangan kemerdekaannya. Begitu juga dengan pendokong gerakan agama yang tidaklah terpinggir sepenuhnya daripada dipengaruhi ideologi sosialis-komunis sehingga memungkinkan kerjasama antara golongan agama dengan gerakan komunis, lebih ketara Indonesia yang mempunyai kaitan rapat dengan gerakan nasionalis di Malaysia. Disebabkan oleh wujudnya hubungan inilah yang menimbulkan kekeliruan kepada sesetengah pengkaji yang secara mudahnya melabelkan gerakan agama dan kiri-Melayu sebagai gerakan yang "dikuasai" atau "didominasi" sepenuhnya oleh komunis atau PKM, walhal dalam banyak segi, gerakan agama dan kiri-Melayu mempunyai prinsip dan ideologi perjuangan yang berbeza dengan komunis. Bahkan, sesetengah daripada mereka, iaitu golongan nasionalis agama khususnya yang berpusat di Madrasah II Ihya As-Syariff, Gunung Semanggol, dikatakan sengaja terlibat dalam kerjasama dengan gerakan kiri Melayu dan komunis lebih bertujuan untuk mengambil langkah proaktif bagi membendung pengaruh komunis itu sendiri daripada menular dan menguasai gerakan kiri Melayu (lihat Nabir Haji Abdullah 1976).

## Bibliografi

- Abdul Rahman Haji Ismail. 2009. 1948 and the Cold War in Malaya: Samplings of Malay reactions. *Kajian Malaysia* 27(1&2): 155–175.
- Azmi Arifin. 2017. From Malayan Union to emergency: Nationalists' resistance and colonial reaction in Malaya, 1946–48. Paper presented at the Second International Conference on Humanities, Parkroyal Hotel, Feringghi Beach, Pulau Pinang, 16–17 August.
- . 2014. Local historians and the historiography of Malay nationalism 1945–57: The British, the United Malays National Organization (UMNO) and the Malay Left. *Kajian Malaysia* 32(1): 1–35.
- Brimmel, J.H. 1959. *Communism in Southeast Asia*. London: Oxford University Press.
- . 1956. *A short history off the Malayan Communist Party*. Singapore: D. Moore.
- Carruthers, S. 1995. *Winning hearts and minds: British governments, the media and colonial counter-insurgency 1944–1960*. London and New York: Leicester University Press.

- Cheah, B.K. 2009. The communist insurgency in Malaysia, 1948–90: Contesting the nation-state and social change. *New Zealand Journal of Asian Studies* 11(1): 132–152.
- , ed. 1992. *From PKI to the Comintern, 1924–1941: The apprenticeship of the Malayan Communist Party; Selected documents and discussion*. Ithaca, NY: Southeast Asia Program, Cornell University.
- . 1987. *Red Star over Malaya: Resistance and social conflict during and after the Japanese occupation of Malaya 1941–46*. Singapore: Singapore University Press.
- . 1983. *Red Star over Malaya: Resistance and social conflict during and after the Japanese occupation of Malaya, 1941–1946*. Singapore: Singapore University Press.
- . 1979. *The masked comrades: A study of the Communist United front in Malaya, 1945–48*. Singapore: Times Books International.
- . 1977. *The masked comrades: A study of the Communist United Front in Malaya, 1945–1948*. Singapore: Singapore Times Books International.
- Chin, A. 1994. *The Communist Party of Malaya: The inside story*. Kuala Lumpur: Vinpress.
- Chin, C.C. 2009. Re-examining the 1948 revolt of the Malayan Communist Party in Malaya. *Kajian Malaysia* 27(1&2): 11–36.
- Chin, C.C. and Hack, K. 2004. *Dialogues with Chin Peng: New light on the Malayan Communist Party*. Singapore: Singapore University Press.
- Chin Peng. 2003. *Alias Chin Peng: My side of history*. Singapore: Media Masters.
- Clutterbuck, R. 1973. *Riot and revolution in Singapore and Malaya*. London: Faber and Faber Ltd.
- . 1967. *The long long war: The emergency in Malaya, 1948–1960*. London: Cassell.
- Coates, J. 1992. *Suppressing insurgency: An analysis of the Malayan emergency, 1948–1954*. Boulder, US: Westview Press.
- Comber, L. 2009. The origins of the Cold War in Southeast Asia: The case of The Communist Party of Malaya (1948–1960); Special Branch perspective. *Journal of Malaysian Studies* 27(1&2): 39–56.
- . 2008. *Malaya's secret police: The role of the Special Branch in the Malayan emergency*. Singapore: ISEAS Publishing. <https://doi.org/10.1355/9789812308306>
- Crozier, B. 1965. *Southeast Asia in turmoil*. Middlesex, UK: Penguin.
- Deery, P. 2007. Malaya, 1948: Britain's Asian Cold War? *Journal of Cold War Studies* 9(1): 29–54. <https://doi.org/10.1162/jcws.2007.9.1.29>
- . 2003. The terminology of terrorism: Malaya, 1948–52. *Journal of Southeast Asian Studies* 34(2): 231–247. <https://doi.org/10.1017/S0022463403000225>
- Department of Information. 1951. *Communist banditry in Malaya: The emergency with a chronology of important events June 1948–June 1951*. Kuala Lumpur: The Standard Engraves and Art Printers.
- Efimova, L. 2009. Did the Soviet Union instruct Southeast Asian communists to revolts? New Russian evidence on the Calcutta Youth Conference of February 1948. *Journal of Southeast Asian Studies* 40(3): 449–469. <https://doi.org/10.1017/S0022463409990026>
- Furedi, F. 1994. *Colonial wars and the politics of Third World nationalism*. London: I.B. Tauris.

- \_\_\_\_\_. 1990. Britain's Colonial Wars: Playing the ethnic card. *Journal of Commonwealth and Comparative Politics* 28(1): 70–89. <https://doi.org/10.1080/14662049008447581>
- \_\_\_\_\_. 1989. Britain's colonial emergencies and the invisible nationalists. *Journal of Historical Sociology* 2(3): 240–265. <https://doi.org/10.1111/j.1467-6443.1989.tb00140.x>
- Greenwood, S. 2000. *Britain and the Cold War, 1945–1991*. London: Macmillan.
- Gwee, H.A. 1966. *The emergency in Malaya*. Pulau Pinang, Malaysia: Sinaran.
- Hack, K. 2009. The origins of the Asian Cold War: Malaya 1948. *Journal of Southeast Asian Studies* 40(3): 471–496. <https://doi.org/10.1017/S0022463409990038>
- \_\_\_\_\_. 2001. *Defence and decolonisation in South East Asian: Britain, Malaya and Singapore 1941–1968*. Richmond, UK: Curzon.
- \_\_\_\_\_. 1999. "Iron claw on Malaya": The historiography of the Malayan emergency. *Journal of Southeast Asian Studies* 30(1): 99–125. <https://doi.org/10.1017/S0022463400008043>
- \_\_\_\_\_. 1995. Screwing down the people. The Malayan emergency: The Malayan emergency, decolonisation and ethnicity. In *Imperial Policy and South East Asian Nationalism 1950–1957*, eds. H. Antlov and S. Tonnesson. Surrey, England: Curzon Press.
- Hack, K. and Chin, C.C. 1999. The Malayan emergency. In *Dialogues with Chin Peng*, eds. C.C. Chin and K. Hack. Singapore: Singapore University Press.
- Hack, K. and Wade, G. 2009. The origins of the Southeast Asian Cold War. *Journal of Southeast Asian Studies* 40(3): 441–448. <https://doi.org/10.1017/S0022463409990014>
- Hanrahan, G.Z. 1954. *The communist struggle in Malaya*. New York: Institute of Pacific Relations.
- Harper, T.N. 1999. *The end of empire and the making of Malaya*. New York: Cambridge University Press.
- Ho, H.L. 2010. *Pemberantasan komunis di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hyde, D. 1968. *Roots of guerilla warfare*. London: Vintage.
- Jackson, R. 1991. *The Malayan emergency: The Commonwealth's wars 1948–1966*. London: Routledge.
- Keang, T.C. 1984. Pemberontakan PKM: Mengapa berlaku? In *Darurat 1948–1960*, eds. Khoo Kay Kim and Adnan Haji Nawang. Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera.
- Khong, K.H. 1975. *British rule and the struggle for independence in Malaya 1945–1957*. Pittsburgh: University of Pittsburgh.
- Khoo Kay Kim and Adnan Haji Nawang, eds. 1984. *Darurat 1948–1960*. Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera.
- Lau, A., ed. 2012. *Southeast Asia and the Cold War*. Abingdon: Routledge.
- Mahmud Embong. 2004. Golongan revolusioner komunis Indonesia di Tanah Melayu dan kesan awal ke atas pergerakan komunis Melayu, 1924–1942. *Malaysia in History* 32: 89–103.
- \_\_\_\_\_. 2003. Insurjensi komunis di sempadan Thao-Malaysia, 1968–1989. *Jurnal Kinabalu* 9: 61–83.

- . 1992a. Penglibatan orang Melayu dalam pergerakan komunis peringkat awal di Tanah Melayu, 1924–1938. *Purba* 11(2): 81–92.
- . 1992b. Komunisma dan orang Melayu, 1924–1949. In *Dua dekad penyelidikan: Sejarah-bahasa dan kebudayaan*, eds. Kobkua Suwannathat-Pian, Rohany Nasir and Mohammad Agus Yusoff. Selangor, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- . 1989. Perkembangan Rejimen ke-10 Melayu, Parti Komunis Malaya dari 1949 hingga 1989. PhD dissertation, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- . 1985. Pertumbuhan dan perkembangan gerakan komunis di Malaya, 1920–1948. MA dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Malayan Security Service (MSS). 1946–1948. *Political Intelligence Journal*, Ind. Ocn. S251.
- Mason, R., ed. 2009. 1948 Insurgencies and the Cold War in Southeast Asia revisited: Special issue. *Kajian Malaysia* 27(1&2): 1–9.
- McLane, C.B. 1966. *Soviet strategies in Southeast Asia: An exploration of Eastern policy under Lenin and Stalin*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- McVey, R. 1958. *The Calcutta Conference and the South-East Asia uprisings*. Ithaca, NY: Cornell University.
- Miller, H. 1973. Riot and revolution in Singapore and Malaya 1945–1963. London: Faber and Faber Limited.
- . 1972. *Jungle war in Malaya: The campaign against communism 1948–60*. London: Arthur Barker Ltd.
- . 1954. *Menace in Malaya*. London: George G. Harrap & Co.
- Mohamad Nassir Kassim. 2016. Perjuangan yang gagal? Parti Komunis Malaya dan sokongan orang Melayu 1920–1948. MA dissertation, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Mohamad Amin dan Caldwell, M., eds. 1977. *Malaya: The making of a neo-colony*. Nottingham: Spokesman.
- Mohd Reduan Haji Asli. 1993. *Pemberontakan bersenjata komunis di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nabir Haji Abdullah. 1976. *Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934–1959*. Selangor, Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- O'Ballance, E. 1966. *Malaya: The communist insurgent war, 1948–60*. London: Faber and Faber.
- Ovendale, R. 1982. Britain, the United States and the Cold War in South-East Asia, 1949–1950. *International Affairs* 58(3): 447–464. <https://doi.org/10.2307/2617808>
- Purcell, V. 1955. *Malaya: Communist or free?*. California: Stanford University Press.
- Pye, L.W. 1956. *Guerilla communism in Malaya: Its social and political meaning*. New Jersey: Princeton University Press.
- Ramakrishna, K. 2002. *Emergency propaganda: The winning hearts and minds, 1948–1958*. London: Routledge Curzon.
- Ramlah Adam. 2010. Shamsiah Fakeh: A nationalist or a communist?. *Journal of Administrative Science* 7(2): 105–123.
- . 2004. *Gerakan radikalisme di Malaysia (1938–1965)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- . 1998. *Kemelut politik Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlan Hamzah. 1973. Parti Komunis Malaya: Penubuhan, peranan dan implikasinya. *Jebat 3/4*: 57–70.
- Renick Jr, R.D. 1965. The emergency regulations of Malaya causes and effect. *Journal of Southeast Asian History* 6(2): 1–39. <https://doi.org/10.1017/S0217781100001861>
- Sanders, D. 1990. *Losing and empire, finding a role: British foreign policy since 1945*. London: Macmillan.
- Short, A. 2000. *In pursuit of mountain rats: The communists insurrection in Malaya*. Singapore: Cultured Lotus.
- . 1975. *The communist insurrection in Malaya, 1948–1960*. London: Frederick Muller.
- . 1964. Communism and the emergency. In *Malaysia: A survey*, ed. G.W. Wang. London and Dunmow: Pall Mall Press.
- Stahl, E. 2009. Doomed from the start: A new perspective on the Malayan emergency. Undergraduate Honors theses, Tufts University, Massachusetts.
- Stenson, M.R. 1970. *Industrial conflict in Malaya*. London: Oxford University Press.
- Stenson, M.R. and de Cruz, G. 1971. *The 1948 communist revolt in Malaya: A note on historical sources and interpretation*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Stenton, M. 1980. *Class, race and colonialism in West Malaysia*. St. Lucia, Australia: University of Queensland Press.
- Stockwell, A.J. 2006. Chin Peng and the struggle for Malaya. *Journal of the Royal Asiatic Society* 16(3): 279–297.
- . 1993. “Awidespread and long-concocted plot to overthrow government in Malaya”? The origins of Malayan emergency. *Journal of Imperial and Commonwealth History* 21(3): 66–88. <https://doi.org/10.1080/03086539308582907>
- . 1987. Insurgency and decolonisation during the Malayan emergency. *The Journal of Commonwealth and Comparative Politics* 25(1): 71–81. <https://doi.org/10.1080/14662048708447508>
- . 1984. British imperial policy and decolonization in Malaya, 1942–52. *The Journal of Imperial and Commonwealth History* 13(1): 68–87. <https://doi.org/10.1080/03086538408582679>
- . 1979. *British policy and Malay politics during the Malayan Union experiment 1942–48*. Monograph no. 8. Kuala Lumpur: The Malayan Branch of the Royal Asiatic Society.
- . 1977. The formation and first years of the United Malays National Organization (UMNO) 1946–1948. *Modern Asian Studies* 11(4): 481–513. <https://doi.org/10.1017/S0026749X00000536>
- , ed. 1995. *Malaya, part 1: The Malayan Union experiment, 1942–48; Malaya, part 2: The communist insurrection 1948–53; and Malaya, part 3: The Alliance route to independence, 1953–57*. London: His Majesty’s Stationery Office (HMSO).

- Stubbs, R. 2008. From search and destroy to hearts and minds: The evolution of British strategy in Malaya, 1948–60. In *Counterinsurgency in modern warfare*, eds. D. Marteson and C. Malkasian. Oxford: Osprey Publications.
- . 1989. *Hearts and minds in guerilla warfare: The Malayan emergency, 1948–1960*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Thompson, R. 1966. *Defeating communist insurgency: Experiences from Malaya and Vietnam*. London: Chatto and Wundus.